

14 APR 2003

Arshad-Pengalaman

ARSHAD YAKIN KEJAYAAN PENGEMBARAAN DIDORONG OLEH IMEJ MALAYSIA

KANGAR, 14 April (Bernama) -- Bekas tentera, Mejar (B) Arshad Khan yang mengembara sejauh 40,000 kilometer merentasi 26 buah negara bersama isterinya menyifatkan kejayaan pengembaraan mereka turut didorong oleh imej Malaysia di mata dunia.

Katanya banyak masalah yang dihadapi terutama di sempadan negara tertentu dapat diselesaikan apabila diberitahu bahawa mereka adalah rakyat Malaysia yang beragama Islam.

Bercakap dalam sidang media selepas tiba di Wang Kelian yang merupakan pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand, Arshad, 59, berkata badannya pernah diacu muncung senjata ketika berada di sempadan Afghanistan.

Bagaimanapun, selepas diberitahu bahawa mereka dari Malaysia, petugas sempadan cepat-cepat meletakkan senapang dan mengajak minum.

Menurutnya, antara pengalaman menarik yang dilaluinya bersama isterinya Salina Abdullah, 55, sepanjang enam bulan pengembaraan ialah ketika menghadapi suhu sejuk dan salji tebal, banjir di samping masalah komunikasi.

Dengan berbekalkan semangat "Malaysia Boleh", beliau memandu kira-kira sepuluh jam sehari dan kadang kala dibantu oleh isterinya.

Beliau berkata pengembaraannya mendapat sokongan padu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sokongan itu tidak akan dilupakannya.

Menurutnya, ketika beliau mengemukakan cadangan untuk mengembara, banyak yang menasihati supaya melupakan hasrat itu kerana usianya yang telah tua.

Arshad berkata selagi hasrat itu ditentang, ia menambahkan semangatnya untuk meneruskan impiannya.

Ditanya sama ada beliau akan membukukan pengalamannya, beliau berkata perkara itu sudah ada dalam pemikirannya tetapi pada masa ini, beliau belum berhasrat berbuat demikian.

Mengenai impiannya masa depan, Arshad tidak menolak kemungkinan beliau akan terus mengembara dengan kenderaan pacuan empat rodanya.

"Umur tua tidak bermakna kita perlu rehat. Kita perlu adakan kegiatan dan mengembara adalah antaranya," katanya.

Sementara itu, Salina berkata pengalaman mengembara bersama suaminya amat menarik, mencabar dan menyeronokkan.

Ketibaan pengembara suami isteri itu dalam misi "Caltex Overland World Challenge" itu di sempadan antarabangsa Wang Kelian dekat sini disambut Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pertahanan, Datuk Najib Tun Razak.

Sementara itu, Najib yang ditemui para pemberita berkata kejayaan Arshad adalah satu kebanggaan bagi negara terutama bekas tentera.

Kementerian akan berbincang bentuk penghargaan yang akan diberikan kepada Arshad kerana beliau berjaya mengharumkan nama negara melalui kegiatan pengembaraan itu.

"Arshad adalah contoh bahawa bekas tentera masih bersemangat tinggi meskipun telah meninggalkan lapangan ketenteraan." katanya.

-- BERNAMA

AD ROS